PERKEMBANGAN SEKTOR PERBANKAN

Sistem perbankan terus berdaya tahan pada suku kedua 2008, disokong oleh permodalan yang kukuh dan keberuntungan yang berterusan. Dengan paras pinjaman tak berbayar (*non-performing loans*, NPL) terus menurun, institusi kewangan terus kukuh untuk menyokong aktiviti ekonomi.

Tahap permodalan sistem perbankan terus tinggi

Pada akhir bulan Jun 2008, permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio*, RWCR) dan nisbah modal teras (*core capital ratio*, CCR) masing-masing pada 13% dan 10.1%. Pada suku kedua, modal asas berkembang 2%, hasil terutamanya daripada terbitan saham keutamaan bukan kumulatif dan terbitan hutang subordinat dalam denominasi ringgit oleh dua institusi perbankan. Ini sebahagiannya mengimbangi pengembangan aset institusi perbankan yang berterusan dan pengambilalihan anak syarikat. Dengan modal lebihan sebanyak RM39.8 bilion, sistem perbankan berada pada kedudukan yang kukuh untuk terus memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi.

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal

	2007			2008	
	S2	S3	S4	S1	S2
Modal					
CCR (%)	10.8	10.3	10.2	10.3	10.1
RWCR (%)	13.9	13.2	13.2	13.3	13.0

Keberuntungan berterusan dalam persekitaran perniagaan yang lebih mencabar

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM5.2 bilion (S1 08: RM 5.7 bilion) pada suku kedua. Paras keuntungan sebelum cukai ini disokong oleh hasil yang mapan daripada aktiviti berkaitan pembiayaan dan pengurusan kekayaan dan portfolio, serta perkhidmatan kiriman wang. Walau bagaimanapun, ini diimbangi oleh perolehan daripada urus niaga bersih yang lebih rendah (-59%) disebabkan oleh kerugian urus niaga dalam beberapa bank pelaburan dan bank Islam serta kerugian penukaran kepada nilai pasaran ekoran pemegangan sekuriti. Oleh itu, pulangan purata tahunan bagi aset dan ekuiti masing-masing pada 1.7% dan 22% (S1 08: masing-masing 1.8% dan 23.4%).

Paras NPL terus menurun

Meskipun persekitaran perniagaan adalah lebih mencabar, kualiti aset sistem perbankan terus bertambah baik pada suku kedua. Jumlah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan terus menurun sebanyak 6.7% kepada RM17.8 bilion (S1 08: RM19 bilion) untuk mencakupi 2.7% daripada jumlah pinjaman bersih (S1 08: 3%). Trend ini telah berterusan pada bulan Julai memandangkan pinjaman tak berbayar menurun kepada 2.5% daripada jumlah pinjaman bersih. Ini disebabkan oleh kutipan balik pinjaman yang berterusan, pengelasan semula NPL kepada status berbayar dan hapus kira.

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar

